Bil : 11 / 2022
no. ISSN 1985 7624

# buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



# PREPARED FOR THE UNEXPECTED

NOVEMBER 2022
ISSN 1985 - 7624
9 771985 762009

# SIDANG REDAKSI SALAM

**PENASIHAT**
Puan Norliza binti Ismail

**KETUA PENGARANG**
Puan Noraini binti Shamsuddin

**PENOLONG KETUA PENGARANG**
Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli
Encik Mazli bin Che Mamat
Cik Nik Nur Afiqah binti Nik Mohd Jalal

**SIDANG PENGARANG**
Sidang Redaksi Salam

**GRAFIK**
Encik Mazli bin Che Mamat
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

**FOTOGRAFI**
Unit Media PPAT

**PENERBIT**
Sidang Redaksi SALAM
Perbadanan Perpustakaan Awam
Terengganu




Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100
09-622 0052
Fax : 09-622 1534
E-mel : ppat@trglib.gov.my
URL : https://www.trglib.gov.my

www.trglib.gov.my | PPATerengganu | ppat@trglib.gov.my | ppaterengganu | PPAT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara
Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan, ulangkan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

INSPIRATION






# penulis TERENGGANU



## Marzuki Ali

- Dilahirkan pada 20 Oktober 1945
- Berasal dari Kuala Kemaman Terengganu

### KARYA YANG DIHASILKAN

ANTOLOGI PUISI
mantera BANGAN DAYANG KOLEK SEKUCI naban
RAHANG LAHAR puisi duyong puisi rakyat JERITAN SATWA LUKA
desir angin pantai timur SAMA' MAULANA keroncong pulau melaka
KETIKA CENDAWAN TIDAK LAGI BERBAU HARUM
DAN SEBAGAINYA

DRAMA TV & PENTAS
SANDIWARA WAH monsserat TERORIS
sayang selasih condong uratnya PANDIR JADI RAJA
julius caesar BANGSAWAN MAKBEH
dan sebagainya

### ANUGERAH

PERNAH MEMENANGI BEBERAPA KALI PERTANDINGAN DRAMA ANJURAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN (KKBS) SABAH DALAM DRAMA PAKAU DAN BUAIAN @ KURSI

MEMENANGI KATEGORI DRAMA TERPILIH DAN PENGARAH BERPOTENSI DIPERINGKAT KEBANGSAAN



## PROGRAM JERAYAWARA BUKU 'BACA' PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA



Pada 6 November 2022, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) melalui Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat telah berkerjasama dengan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dalam mengadakan Program Jerayawara Buku 'Baca' yang diterbitkan sendiri oleh PPM.

Program ilmu ini membicarakan intipati dan mengupas buku bertajuk 'Baca' oleh Puan Hasnita binti Ibrahim (PPM) dan dibantu oleh Puan Shamsiah binti Abu Bakar (PPM) sebagai moderator.



Melalui perkongsian ini, diharapkan akan dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca di kalangan masyarakat melalui sesi perkongsian ilmu bersama penulis. Selain itu, ianya juga diharapkan dapat mendidik masyarakat agar dapat menyemarakkan dan mendokong budaya membaca dalam pelbagai aspek dan bidang.



## PERTANDINGAN EKSPLORASI CINTA ILMU

Pada 27 November 2022 – Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu telah menganjurkan Pertandingan Eksplorasi Cinta Ilmu bersama-sama 50 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Tengku Ampuan Intan, Hulu Terengganu di sekolah tersebut. Turut memberi sokongan kepada program ini adalah Encik Mohamad Azmi bin Mohamed (Guru Penolong Kanan Pentadbiran).

Permulaan kepada pertandingan ini adalah dengan pembahagian para pelajar kepada 10 kumpulan kecil yang mana setiap kumpulan akan diwakili seramai 5 orang pelajar. Setiap kumpulan mempunyai tugasan yang berlainan dan perlu menyelesaikan setiap tugasan secara bersama. Ia bertepatan dengan objektif pertandingan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemampuan untuk berkerjasama dalam satu kumpulan selain melatih para pelajar berfikir dalam menyelesaikan setiap tugasan.



Secara keseluruhannya, program ini berjaya mewujudkan hubungan baik antara peserta walaupun pada awalnya kelihatan tidak begitu akrab.







"Tiada orang yang muflis kerana mengambil takaful, tetapi ramai yang muflis kerana tiadanya takaful."

(Nik Afiqah)





trivia

# KEPENTINGAN INSURANS & TAKAFUL




## 01 KEMALANGAN JALAN RAYA

Boleh *claim* insrurans untuk *repair* kereta & sekiranya total *loss*.



## 02 GANTI RUGI MUSIBAH

Tuntutan sekiranya terjadi musibah dalam urusan perkhidmatan.



## UNTUNG KE RUGI AMBIL TAKAFUL?






## 03 PAMPASAN SEMASA TIADA PEKERJAAN

Boleh digunakan sebagai ganti situasi anda yang lumpuh & tidak bekerja.

## 04 HUTANG DUNIA

Baki loan rumah anda diselesaikan sekiranya anda meninggal dunia.

# KEPENTINGAN MEMILIKI PERLINDUNGAN INSRURANS/TAKAFUL




1. Memberi perlindungan buat diri dan keluarga apabila berlaku perkara yang tidak diingini
2. Kestabilan kewangan yang terjamin
3. Persediaan menghadapi sebarang risiko
4. Memberi peluang untuk menjalani kehidupan yang lebih tenang

# Suara NETIZEN

"Perlindungan takaful adalah sangat penting. Bagi golongan yang berkemampuan terutamanya tidak sepatutnya menjadikan alasan untuk tidak mempunyai perlindungan takaful. Ini kerana banyak kelebihan yang diperolehi dengan adanya perlindungan takaful seperti kehilangan punca pendapatan yang mana akan mengganggu perolehan barang keperluan harian. Selain itu juga, dengan adanya perlindungan takaful ia dapat membantu memudahkan urusan penyelesaian kenderaan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini kepada individu."

**NURUL NADHIA, 40**





"Sebagai warganegara Malaysia, saya mengambil maklum musibah yang sentiasa melanda negara pada hujung tahun iaitu banjir. Pengambilan insuran dan takaful ini sebenarnya agak penting untuk menggantikan semula kerugian yang dialami oleh sesetengah keluarga. Insuran akan dapat membantu kepada individu yang sedang menunggu bantuan sekiranya berlakunya musibah seperti ini."

**TENGKU NUR INASA, 23**

"Pada pendapat saya, takaful adalah satu alternatif penting sebagai persediaan awal sekiranya ditimpa kecelakaan atau perkara yang tidak diingin kepada diri sendiri atau ahli keluarga. Persediaan takaful ini dapat membantu dari segi kewangan yang sememangnya perlu pada ketika itu."

**MARIAH, 33**





"Pada pandangan saya, mempunyai plan takaful adalah sangat penting terutamanya bagi ketua sesebuah keluarga. Kepentingannya adalah kerana ia dapat memberi perlindungan kepada ahli keluarga sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini ke atas ahli keluarga. Selain itu, insuran juga boleh menjadi penyelesaian kepada segala komitmen bank."

**NIK SHAIRAH, 27**

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ

**EVERY SOUL WILL TASTE DEATH**

Al-Anbiya, 35



buletin
salam
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU


**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU**

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman


© 2022 Hak Cipta Terpelihara



www.trglib.gov.my